



PEMAKLUMAN PENTADBIRAN DAN OPERASI PENGURUSAN PELAJAR KALI KE 71 BIL 41/2022

PELAJAR DIPLOMA UMP: PERMOHONAN PERLANJUTAN PEMBIAYAAN BAGI PERUBAHAN TEMPOH PENGAJIAN 2 TAHUN KEPADA 2 TAHUN 9 BULAN

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Dengan segala hormatnya merujuk perkara di atas.

Dimaklumkan bahawa Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) telah mengeluarkan Pengumuman Rasmi Bilangan 11 Tahun 2022 berkaitan perubahan Tempoh Pengajian Program Diploma di UMP (tempoh pengajian dari 2 tahun kepada 2 tahun 9 bulan). Pelajar perlu membuat pengesahan perlanjutan seperti berikut:

1. Pelajar yang membuat pinjaman PTPTN

- Mohon lengkapkan Borang Perlanjutan Tempoh Pembiayaan PTPTN bagi tujuan pengemaskinian permohonan perlanjutan tempoh pembiayaan mengikut kategori **Perubahan struktur pengajian oleh IPT yang menyebabkan pertambahan tempoh pengajian**.
- Sila rujuk **LAMPIRAN 1** bagi tujuan berkenaan.

2. Pelajar yang mendapat selain PTPTN, MyBF YTN dan JPA.

- Sila berhubung terus dengan badan penaja masing-masing bagi urusan berkenaan

Pihak Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA) mohon kerjasama kepada semua pelajar yang terlibat untuk menyelesaikan dokumen berkenaan (PTPTN) atau pemakluman kepada badan penaja agar tidak akan memberi kesan pada pengajian dan pembelajaran saudara/i.

Sebarang permasalahan berkenaan perkara di atas, saudara/i boleh hubungi di talian 09-431 5054 atau emel kepada kebajikanpelajar@ump.edu.my.

Sekian untuk makluman dan perhatian semua pelajar.

Terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

‘Teknologi Untuk Masyarakat’



Azle bin Abd Ghalim
Eksekutif Kanan
Unit Pembiayaan, Kebajikan dan Disiplin Pelajar
Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni
Tarikh: 17 November 2022

LAMPIRAN 1

Keperluan dokumen bagi Perlanjutan Tempoh Pembiayaan PTPTN adalah seperti berikut :

- i) Borang Perlanjutan Tempoh Pembiayaan PTPTN – [https://drive.google.com/file/d/1Bk1_oSzd6g1KQrHRazOGGoOF6vOtw-x02/view?usp=share link](https://drive.google.com/file/d/1Bk1_oSzd6g1KQrHRazOGGoOF6vOtw-x02/view?usp=share_link)
- ii) Surat Tawaran Kemasukan ke IPT (yang asal - 2 Tahun) - **Sila Lampirkan Bersama Borang Perlanjutan**
- iii) Kelulusan perubahan tempoh pengajian daripada Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia - **akan disediakan oleh pihak JHEPA, UMP**
- iv) Keputusan peperiksaan untuk setiap semester - **Sila Lampirkan Bersama Borang Perlanjutan**

Mohon kerjasama semua untuk melengkapkan dokumen yang diberikan dan sila hantar dokumen berkenaan kaunter JHEPA di UMP Kampus Gambang dan UMP Pekan (**di dalam kotak yang disediakan**) yang lengkap **SEBELUM** sesi penghantaran bersama pihak PTPTN seperti dibawah:

KAMPUS GAMBANG

Tarikh : 23 November 2022 (Rabu)
Tempat : Astaka, UMP Kampus Gambang
Masa : 09.00 pagi - 4.30 petang

KAMPUS PEKAN

Tarikh : 24 November 2022 (Khamis)
Tempat : Bahagian Perumahan, Pusat Aktiviti Pelajar (PAP), UMP Pekan
Masa : 09.00 pagi - 4.30 petang